

Pendapatan isi rumah Sarawak positif

Oleh Andy Sabang

SIBU: Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg berkata, terdapat trend pertumbuhan positif dalam purata pendapatan bulanan isi rumah dalam kawasan bandar dan luar bandar di Sarawak pada tahun 2022.

Abang Johari berkata, ini berdasarkan angka Kajian Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Menurutnya, pada 2022 purata pendapatan kasar bulanan isi rumah di Sarawak dalam kawasan bandar meningkat kepada RM7,744 daripada RM7,243 pada 2019, menunjukkan perubahan peratusan sebanyak 6.9 peratus.

Di kawasan luar bandar, purata pendapatan kasar bulanan isi rumah bulanan mencecah RM4,579 pada 2022, berbanding RM4,218 pada 2019, menunjukkan perubahan peratusan sebanyak 8.6 peratus.

"Saya gembira untuk berkongsi statistik ini bahawa ia telah menunjukkan trend pertumbuhan positif dalam purata pendapatan bulanan isi rumah bagi kawasan bandar dan luar bandar di Sarawak.

"Terutamanya kawasan luar bandar mengalami peningkatan sedikit lebih tinggi dalam pendapatan kasar isi rumah, dan ini menunjukkan usaha Kerajaan Sarawak dalam memastikan pembangunan seimbang dan pertumbuhan inklusif di seluruh negeri," katanya pada sidang media semasa lawatan ke Tapak Pembangunan Semula Kampung Datu Baru, di sini semalam.



PENGHARGAAN: Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Nangka Datuk Dr Annuar Rapaea menyampaikan cenderamata kepada Abang Johari semasa kunjungannya ke Tapak Pembangunan Semula Kampung Datu Baru di Sibu semalam.

● Terdapat trend pertumbuhan positif purata pendapatan bulanan isi rumah dalam bandar, luar bandar Sarawak pada 2022.

Abang Johari turut mengumumkan bahawa menurut DOSM, jumlah pendapatan bulanan isi rumah di Sarawak mengalami trend menaik dengan mencecah RM3.9 bilion pada 2022 berbanding RM3.7 bilion pada 2019, meningkat sebanyak 5.4 peratus dari 2019 hingga 2022.

Beliau berkata, dalam tempoh tiga tahun di Sarawak purata pendapatan

bulanan isi rumah telah menyaksikan pertumbuhan daripada RM5,959 pada 2019 kepada RM6,457 pada 2022, peningkatan sebanyak 8.4 peratus berbanding 2019.

Pada masa yang sama, median pendapatan bulanan isi rumah juga mengalami kemajuan yang ketara, apabila mencecah RM4,978 pada 2022 berbanding RM4,544

pada 2019, dan ini menandakan peningkatan ketara sebanyak 9.6 peratus.

Abang Johari juga percaya negeri ini telah bergerak di landasan yang betul untuk meningkatkan purata pendapatan bulanan isi rumah kepada RM15,000 sebulan menjelang 2030.